

30 NOV 1998

Dewan-Belanjawan

BELANJAWAN PULAU PINANG UNTUK 1999 BERJUMLAH RM455 JUTA

PULAU PINANG, 30 Nov (Bernama) -- Kerajaan Negeri hari ini membentangkan peruntukan belanjawan berjumlah RM455 juta bagi tahun depan, dengan defisit berjumlah RM75.1 juta.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan itu pada persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM257.3 juta adalah peruntukan operasi manakala RM197.7 juta untuk pembangunan.

"Belanjawan itu menunjukkan defisit sebanyak RM75.1 juta, dengan anggaran pendapatan dari operasi sebanyak RM215.1 juta manakala anggaran pendapatan pembangunan menerusi pinjaman dan peruntukan dari kerajaan pusat serta tabungan kerajaan negeri adalah sebanyak RM164.8 juta", kata beliau.

Belanjawan kali ini adalah dalam keadaan negara sedang mengalami kegawatan ekonomi dan ia selaras dengan belanjawan kerajaan pusat, katanya.

Koh juga berkata, Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) telah meluluskan 97 projek industri di negeri ini bagi tempoh sembilan bulan tahun ini dan telah menghasilkan pelaburan berjumlah RM2.36 juta dengan menawarkan 9,000 peluang pekerjaan.

Katanya, selain itu, sebanyak 422 buah syarikat perindustrian yang sedia ada telah dilaporkan menambah perlaburan mereka berjumlah RM1.7 juta untuk tempoh separuh tahun 1998.

"Keadaan ini telah membuktikan bahawa syarikat dan para pelabur asing sebenarnya begitu berminat dan yakin untuk terus melabur di negeri ini", kata beliau.

Beliau bagaimanapun berkata, sebanyak 287 buah syarikat yang terbabit dengan kegawatan ekonomi telah terpaksa memberhentikan 14,000 pekerja sejak tahun lepas.

"Tetapi menerusi usaha kerajaan yang mewujudkan `job-link`, hampir kesemua mereka memperolehi kerja semula apabila sebanyak 15,800 jawatan kosong telah ditawarkan", kata beliau.

Koh kemudiannya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana gigih berusaha untuk memulihkan semula ekonomi negara serta rakyat keseluruhannya yang begitu bersabar menempuh dugaan ekonomi.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

AA NMO